

13 IPT sertai pertandingan nyanyian lagu puisi

KUANTAN 23 Jan. – Sebanyak 13 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berentap dalam Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi antara IPTA 2011 di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, hari ini.

Pertandingan tersebut diadakan sempena pelancaran Kempen Kami Prihatin ‘Apakah Dosa’ Peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) yang akan diadakan esok.

Universiti yang bertanding adalah Universiti Malaya (UM); Universiti Malaysia Perlis (Unimap); Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHO); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM); Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Turut serta ialah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas); Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM); UMP dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pemenang pertandingan akan memenangi hadiah wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penyertaan.

“Tempat kedua akan menenangi wang tunai RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000 beserta trofi dan juga sijil penyertaan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di



DR. DAING NASIR

sini, hari ini.

Tambah beliau, keputusan pertandingan dan hadiah kemenangan akan disampaikan pada pelancaran kempen tersebut yang akan dirasmikan oleh Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Menurut beliau, pertandingan itu merupakan kesinambungan program bagi menyokong pelaksanaan program tersebut kepada generasi baru khususnya pelajar sekolah dan

mahasiswa IPT.

“Pertandingan puisi itu berkonsepkan kemanusiaan dan hanya puisi yang dicipta sendiri atau dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sahaja yang digunakan oleh para peserta,” jelasnya.

SEBANYAK 13 IPTA berentap dalam Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi antara IPTA 2011 di Dewan Astaka UMP, Kuantan, semalam.



Universiti
Malaysia
PAHANG

Astaka UMP

